



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	30/6/2021	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan pindah gajah liar Durian Burung

PADANG TERAP: Kebimbangan penduduk Kampung Batu Pengasah, Durian Burung di sini terhadap ancaman seekor gajah liar yang berkeliaran dan memusnahkan tanaman mereka sejak sebulan lalu berakhir apabila haiwan itu ditangkap dan dipindahkan, semalam.

Gajah jantan liar seberat tiga tan dari Hutan Simpan Ahneng di sini ditangkap oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah Ahad lalu dan dipindahkan ke Hutan Belum, Gerik, Perak.

Pengarahnya, **Jamalul Nasir Ibrahim** berkata, operasi memindahkan gajah liar yang berusia kira-kira 30 tahun itu bermula dari pukul 9 pagi hingga 1 petang semalam.

Menurutnya, dua ekor gajah betina yang dikenali dengan



KAKITANGAN Perhilitan menjalankan kerja-kerja memindahkan gajah liar di Kampung Batu Pengasah, Durian Burung, Padang Terap.
- UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

nama Kasturi dan Rambai dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK), Kuala Gandah, Pahang digunakan sebagai

denak bagi membawa gajah liar itu keluar dari hutan tersebut.

"Gajah itu bertindak agresif semasa cuba dibawa keluar dari

kawasan hutan berkenaan, namun, berjaya dikawal," katanya ketika ditemui di Kampung Batu Pengasah di sini.

Seorang penduduk, **Aziz Md. Daud**, 57, dari Kampung Baru di sini berkata, penduduk di kampung itu mulai takut untuk keluar menoreh getah dan ke dusun buah-buahan selepas kemunculan gajah liar tersebut.

"Minggu lalu, beberapa pokok tanaman seperti durian dan pisang yang ditanam oleh penduduk dirosakkan oleh gajah liar itu dan kami berterima kasih kepada Perhilitan Kedah kerana berjaya menangkap gajah liar itu," katanya.

Tambahnya, dia berharap tiada gajah liar lain akan memasuki kampung itu dan merosakkan tanaman penduduk.